

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 NOVEMBER 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MCCE2015 platform rakyat lihat peluang komersilkan produk berinovasi - Madius	BERNAMA
2.	Madius Tangau nafi cadang tubuhkan cawangan FRIM di Sabah	BERNAMA
3.	Qi Group menang Anugerah ' Syarikat Tempat Bekerja Paling Baik HR Asia 2015'	BERNAMA
4.	Hujan, ribut petir hingga Isnin depan	Utusan Malaysia
5.	Persediaan dibuat hadapi musim tengkujuh - Tajuddin	BERNAMA
6.	Persidangan falak dunia	Utusan Malaysia



MCCE2015 Platform Rakyat Lihat Peluang Komersilkan Produk Berinovasi - Madius



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.
Pic: Bernama

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- **Pameran dan Persidangan Pengkomersilan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MCCE2015)** yang akan berlangsung esok akan menjadi platform kepada penyelidik atau pencipta mengintai peluang mengkomersilkan produk berinovasi ciptaan mereka.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata ramai yang mempunyai idea untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi tetapi tiada platform yang sesuai untuk mereka mengkomersilkan ciptaan tersebut.

"Justeru, melalui pameran MCCE ini, ia mampu memberikan peluang kepada mereka mendapatkan padanan perniagaan bagi membolehkan produk mereka dipasarkan secara meluas," katanya kepada pemberita dalam temu bual khas di bangunan Parlimen semalam.

Madius berkata pameran dua hari yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu juga akan memberikan persediaan kepada kementeriannya dalam melaksanakan Tahun Pengkomersilan Malaysia (MCY2016) tahun depan.

Beliau berkata kementeriannya menyasarkan 60 produk R&D (Penyelidikan dan Pembangunan) berimpak tinggi setiap tahun dan dengan adanya pameran ini, ia akan membantu mencapai sasaran untuk menghasilkan 360 produk menjelang tahun 2020.

"Tahun lepas, sejumlah 65 produk berjaya dikomersilkan dan ini merupakan satu kejayaan besar bagi penganjuran MCCE tahun lepas dan berharap tahun ini, ia akan turut melepassi sasaran yang ditetapkan," katanya.

Madius berkata penganjuran MCCE juga selari dengan hasrat dan hala tuju kementeriannya untuk memacu pengkomersilan dalam negara melalui inovasi, penyelidikan dan pembangunan.

"Kementerian menggalakkan lebih ramai penyertaan serta penglibatan rakyat Malaysia dalam penciptaan produk yang berinovasi kerana ia bukan sahaja dihasilkan oleh golongan penyelidik malah turut dihasilkan oleh orang biasa seperti petani," katanya.

Beliau berkata kementerian turut mengambil kira pandangan masyarakat dalam membangunkan produk pengkomersilan bagi meningkatkan produktiviti dari sudut ekonomi, seterusnya memperbaiki taraf kehidupan dan kesejahteraan rakyat.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang MCCE2015 berlangsung adalah seminar, Forum Kuala Lumpur, pameran dan sesi padanan perniagaan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**

TARIKH: 18 NOVEMBER 2015 (RABU)



Madius Tangau Nafi Cadang Tubuhkan Cawangan FRIM Di Sabah

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** menafikan beliau mencadangkan untuk mewujudkan cawangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Sabah.

Tangau ketika berucap dalam sebuah majlis di Kota Kinabalu minggu lepas, hanya mencadangkan FRIM menukuhan satu bahagian yang khusus untuk menjaga Acacia Mangium dalam lingkungan tugas institut itu, kata Setiausaha Akhbarnya, Chris Maskilone dalam kenyataan hari ini.

Maskilone berkata cadangan itu dibuat berdasarkan Sabah dan Sarawak yang mempunyai ladang Acacia Mangium yang luas iaitu di Sabah seluas 63,980 hektar atau kira-kira 26.8 peratus daripada ladang perhutanan di negeri ini dan Sarawak, kira-kira 236,936 hektar.

"Dengan keluasan yang besar itu, Madius percaya jika bahagian khusus ditubuhkan dalam FRIM untuk memberi bantuan sekiranya sesuatu berlaku dan membahayakan ladang acacia keseluruhan," katanya.

Katanya, Tangau berkata demikian semasa merasmikan 'Bengkel Pemindahan Teknologi bagi Menambah Nilai Acacia Lumber dari Sabah - Projek Kemasyarakatan' oleh Persatuan Industri Perkayuan Sabah (STIA) yang dibiayai oleh kementerian itu minggu lepas.

Tangau, yang merupakan bekas Pengurus Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, melahirkan kebimbangan beliau terhadap acacia yang ditanam di Sabah kerana banyak pokok bertukar menjadi pulpa dan bukan digunakan untuk membuat perabot.

"Beliau kesal kerana cadangan baik untuk membantu pengeluar perabot tempatan telah diputar belit menjadi isu politik," kata Maskilone.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**

TARIKH: 18 NOVEMBER 2015 (RABU)



Qi Group Menang Anugerah 'Syarikat Tempat Bekerja Paling Baik HR Asia 2015'

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- QI Group Malaysia memenangi anugerah 'Syarikat Tempat Bekerja Paling Baik HR Asia 2015' anjuran penerbit tempatan, HR Trade Journal-HR Asia.

Syarikat tersebut merupakan antara 220 buah syarikat yang bertanding untuk dikenali sebagai tempat bekerja paling baik di Malaysia dan Asia.

"Anugerah ini akan menjadi galakan kepada kami untuk terus meletakkan pekerja sebagai keutamaan kita," kata Ketua Pejabat Sumber Manusia QI Group Christopher Watson.

Syarikat itu, bersama 38 pemenang lain, menerima anugerah mereka daripada Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah pada 13 Nov.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 05
TARIKH: 18 NOVEMBER 2015 (RABU)**

Hujan, ribut petir hingga Isnin depan

KUALA LUMPUR 17 Nov.

- Hujan dan ribut petir dijangka berlaku di seluruh negara bermula hari ini hingga Isnin depan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, berdasarkan analisis model cuaca numerikal yang digunakan pihaknya, hujan akan berterusan di kawasan pantai Pahang dan Johor, Sarawak dan Timur Sabah pada waktu pagi dalam tempoh tujuh hari itu.

Katanya, ribut petir pula dijangka berlaku di semua negeri di Semenanjung, Sarawak dan Barat Sabah pada waktu petang serta malam pada tempoh yang sama.

“Model cuaca numerical itu juga mendapati tiada hujan lebat Monsun di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung hari ini hingga Isnin depan.

“Walau bagaimanapun, orang ramai dinasihatkan supaya terus mengikuti perkembangan cuaca di laman web Jabatan Meteorologi atau menghubungi hotline 1-300-22-1 MET atau 1-300-221-638,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam pada itu Che Gayah berkata, tiupan angin bagi tempoh tersebut mendapati angin Timur dan angin Timur Laut dengan kelajuan 10 hingga 20 kilometer sejam akan melanda Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Tambah beliau, meskipun pihaknya dapat mengesan hujan dan ribut petir di beberapa kawasan namun mereka tidak dapat menjangkakan kawasan yang akan dilanda banjir.

“Tidak semestinya kawasan itu mengalami hujan dan ribut petir berterusan ia akan dilanda banjir kerana faktor fizikal dan permukaan geografi turut boleh mengakibatkan bencana tersebut,” katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 18 NOVEMBER 2015 (RABU)



Persediaan Dibuat Hadapi Musim Tengkujuh - Tajuddin

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersiap sedia memastikan bekalan makanan asas termasuk sayuran, ikan dan daging mencukupi apabila negara menghadapi musim tengkujuh.

Timbalan menterinya, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata selain kebergantungan pada sumber dalam negeri, pihaknya bersedia mengimport bekalan makanan dari luar negara.

"Sekiranya pengeluaran dalam negara terjejas disebabkan faktor iklim...Kita akan dapatkan sumber-sumber luar," katanya selepas merasmikan Seminar Usahawan Industri Asas Tani 2015 di sini, Selasa.

Jabatan Meteorologi sebelum ini meramalkan negara berdepan musim tengkujuh dengan mengalami hujan lebat selama beberapa ketika hingga Januari tahun depan yang mengakibat kawasan di beberapa negeri mengalami banjir.

Dalam pada itu, Tajuddin berkata bagi pembangunan usahawan industri asas tani, kementeriannya menyasarkan bilangan usahawan itu bertambah sebanyak 3,000 daripada pelbagai sektor pada tahun depan.

Beliau berkata, ketika ini seramai 11,060 usahawan industri asas tani berdaftar dengan kementerian itu dengan sektor makanan paling ramai iaitu sebanyak 8,919 orang.

Sementara itu, Pengerusi Kelab Usahawan Industri Asas Tani Malaysia, Zahari Abu Yazid berkata walaupun keadaan ekonomi dunia tidak stabil dan nilai ringgit jatuh namun pasaran produk agro makanan terutamanya makanan halal terus berkembang.

Pasaran produk industri asas tani pada tahun ini sahaja mencatatkan nilai sebanyak RM47.69 bilion berbanding RM39.04 bilion pada 2010, katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA AGAMA) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 18 NOVEMBER 2015 (RABU)



ILMU falak penting dalam kehidupan seharian umat Islam. - GAMBAR HIASAN

Persidangan falak dunia

PERSATUAN Falak Syarie Malaysia (PFSM) menganjurkan Persidangan Falak Di Dunia Islam (ICAMW) 2015 pada Khamis dan Jumaat ini sempena dengan sambutan 30 tahun persatuan itu di Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Bangi.

Persidangan bertemakan Ilmu Falak Menyongsong Zaman, *Menjana Tamadun* itu dianjurkan bersama Uniten dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia (Angkasa), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Mufti Negeri Melaka.

Matlamat persidangan ini ialah menonjolkan aktiviti kajian terkini yang berkaitan dengan ilmu falak khasnya dan sains Islam amnya melalui perbincangan beberapa kemajuan dan prospek perkembangan untuk memantapkan tradisi sains Islam.

Persidangan ini juga bagi mengembangkan pengetahuan dan perasaan ingin tahu terhadap ilmu falak yang merupakan ilmu tradisi Islam yang berkaitan langsung dengan ibadah.

Dengan itu, ia diharap dapat meningkatkan kesedaran tentang kesinambungan ilmu falak dan sains daripada zaman tamadun Islam sehingga ke era teknologi maklumat dan komunikasi kini.

Pada masa sama ICAMW 2015 juga

dapat membuka jaringan akademik antara sarjana tempatan dengan antarabangsa dalam membincangkan isu-isu yang melibatkan permasalahan semasa dalam kajian sains Islam.

Dengan itu diharap dapat melahirkan masyarakat yang menyedari sumbangan tamadun Islam dan ulama alam Melayu dalam bidang ilmu falak khasnya dan sains amnya.

Antara perkara yang dibincangkan pada persidangan ini ialah kajian-kajian yang mutakhir dalam bidang falak, matematik dan sains yang membabitkan pelbagai topik sains taqwim qamariah.

Perbincangan juga membabitkan pengkajian dan penelitian terhadap pelbagai topik syariah berkaitan ilmu di samping kajian dan penyelidikan yang dijalankan di pusat kajian seperti balai cerap dan institusi pengajian tinggi.

Sempena dengan persidangan ini akan turut diadakan pameran falak, Bicara Angkasawan, Kuiz Falak, Bengkel Astroforografi, Bengkel Teleskop, cerapan matahari dan pertandingan mewarna falak.

Persidangan ini terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat dengan penyertaan masih dibuka dengan bayaran RM50. Sebarang pertanyaan boleh hubungi 012-6151565.